

8

**KEMENTERIAN PELABURAN,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

KEMENTERIAN DIGITAL

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA
DAN WILAYAH**

- Pengurusan Program Pembangunan Keusahawanan e-Dagang

KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
KEMENTERIAN DIGITAL
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

1. PENGURUSAN PROGRAM PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN e-DAGANG

ABSTRAK

Majlis e-Dagang Kebangsaan [National e-Commerce Council (NECC)] dipengerusikan oleh YB Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) melibatkan pelbagai kementerian dan agensi yang bertanggungjawab melaksanakan Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan [Malaysia's National e-Commerce Strategic Roadmap (NESR)] bertujuan untuk membentuk hala tuju dan meneroka potensi transformasi perniagaan dan urus niaga secara dalam talian pada masa hadapan.

Pengauditan tertumpu kepada program pembangunan keusahawanan e-Dagang dalam RMKe-11 dan RMKe-12. Pengauditan dilaksanakan untuk menilai sama ada pengurusan aktiviti program dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mempercepat penerimgunaan e-Dagang oleh Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan penggunaan e-Dagang melalui latihan, akses kepada platform dan pemberian insentif.

Didapati pengurusan Program Pembangunan Keusahawanan e-Dagang yang diaudit telah mencapai prestasi yang baik kerana 11 daripada 12 program telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, satu program iaitu Pembangunan Platform MyMall belum mencapai sasaran kerana kontrak perjanjian belum disempurnakan dan kelemahan pengurusan operasi MyMall.


1. LATAR BELAKANG

1.1. Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan (NESR) diterbitkan pada tahun 2016 oleh *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) bertujuan untuk membentuk hala tuju dan meneroka potensi transformasi perniagaan dan urus niaga secara dalam talian pada masa hadapan.

1.2. Pelan NESR ini menggariskan enam teras strategik utama iaitu mempercepat penerimgunaan e-Dagang, meningkatkan penerimgunaan ePerolehan, memansuhkan halangan bukan tarif, menyelaraskan insentif ekonomi sedia ada, membuat pelaburan strategik bagi pemain industri dan mempromosikan barangan tempatan bagi meningkatkan e-Dagang rentas sempadan.

1.3. Pelbagai program e-Dagang yang melibatkan Teras Strategik 1, NESR 1.0 (2016 - 2020) dan NESR 2.0 (2021 - 2025) dijalankan oleh kementerian dan agensi pelaksana bertujuan untuk mempercepat penerimgunaan e-Dagang dan penggunaan e-Dagang secara berkesan dengan memberi fokus kepada pengusaha mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Maklumat berkenaan program dan kementerian/agensi pelaksana yang terlibat dalam program pembangunan keusahawanan e-Dagang adalah seperti dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1
KEMENTERIAN/AGensi PELAKSANA
YANG TERLIBAT DALAM PROGRAM e-DAGANG YANG DIAUDIT



Sumber: KUSKOP, MDEC, INSKEN, KKDW, MARA, MATRADE dan MIDA

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Program Pembangunan Keusahawanan e-Dagang telah dilaksanakan secara ekonomik, cekap dan berkesan bagi mempercepat penerimgunaan e-Dagang oleh PMKS melalui latihan, akses kepada platform dan pemberian insentif.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Dua bidang utama Audit, kementerian dan agensi yang terlibat serta skop pengauditan adalah seperti dalam **Rajah 2**.

RAJAH 2 BIDANG UTAMA AUDIT, AGENSI TERLIBAT DAN SKOP PENGAUDITAN

BIDANG UTAMA AUDIT	- Pencapaian prestasi program di bawah RMKe-11 dan RMKe-12 - Pengurusan program meliputi peruntukan dan perbelanjaan kewangan, pelaksanaan program dan mekanisme pemantauan program
KEMENTERIAN DAN AGENSI TERLIBAT	- Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) - Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), <i>Malaysian Investment Development Authority</i> (MIDA) - Kementerian Digital - <i>Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd.</i> (MDEC) - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) – Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) - Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) - Majlis Amanah Rakyat (MARA)
SKOP PENGAUDITAN	Meliputi tempoh tahun 2016 hingga 2020 (RMKe-11) dan 2021 hingga 2023 (RMKe-12)

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.2. Pengauditan telah dijalankan terhadap 12 program e-Dagang melibatkan tiga aktiviti iaitu penyediaan latihan dan penerimgunaan, akses kepada platform dan pemberian insentif seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1
PROGRAM e-DAGANG YANG DIAUDIT**

AKTIVITI	BIL.	PROGRAM	KOS (RM)	PELAKSANA
Latihan dan Penerimgunaan	1.	Program Pelaksanaan Pembangunan e-Dagang Kebangsaan	9,000,000	MDEC
	2.	Inisiatif PENJANA e-Dagang – Kempen MSME e-Dagang <i>Shop Malaysia Online</i>	392,856,264	
	3.	Program eUsahawan*	120,000,000	
	4.	Program Penerimgunaan e-Dagang	11,434,728	
	5.	Program Bimbingan Jualan Dalam Talian (e-BOARD)	2,900,000	INSKEN
	6.	Latihan Pemasaran Digital (IBT)	6,100,000	
	7.	INSKEN <i>Masterclass</i>	1,500	
JUMLAH KECIL			542,292,492	
Akses kepada Platform	8.	Pembangunan Platform e-Dagang MyMall	7,000,000	KUSKOP
	9.	Program Desamall **	11,800,000	KKDW
JUMLAH KECIL			18,800,000	
Pemberian Insentif	10.	Program eTrade	16,587,500	MATRADE
	11.	Program Galakan Cukai bagi Aktiviti e-Fulfillment	TB	MIDA
	12.	Program Pendigitalan Perniagaan MARA (DIGITALBIZ) **	10,000,000	MARA
JUMLAH KECIL			26,587,500	
JUMLAH KESELURUHAN			587,679,992	

Sumber: KUSKOP, MDEC, INSKEN, KKDW, MARA, MATRADE dan MIDA

Nota: TB - Tidak Berkenaan. Program Galakan Cukai bagi Aktiviti e-Fulfillment Tidak Melibatkan Sebarang Kos kepada Kerajaan kerana Menggunakan Dana Mengurus MIDA

(*) - Program eUsahawan RMKe-12 (RM2.90 juta) Menjadi Sub Aktiviti kepada Program Penerimgunaan e-Dagang

(**) - Program Ini Terlibat dalam Kategori Penerimgunaan e-Dagang

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan. Pemeriksaan fizikal, *walkthrough* dan temu bual bersama pegawai yang bertanggungjawab turut dijalankan. Borang soal selidik mengenai kepuasan pelanggan telah diedarkan secara fizikal dan dalam talian untuk mendapat maklum balas daripada semua pihak terhadap program yang telah dilaksanakan.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan dari bulan Januari hingga Jun 2023 dan pengauditan lanjutan dilaksanakan dari bulan Januari hingga Mac 2024. Perkara yang ditemui telah dibincangkan semasa Mesyuarat Penutup pada 19 April 2024. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

5.1. Prestasi Pencapaian Program

Prestasi pencapaian program bagi setiap aktiviti yang diaudit adalah seperti berikut:

5.1.1. Latihan dan Penerimagunaan e-Dagang

- a. Program latihan yang disediakan oleh Kerajaan melalui kementerian dan agensi pelaksana adalah untuk melengkapkan PMKS dengan asas yang diperlukan bagi membolehkan mereka menjalankan perniagaan secara dalam talian. Antara Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan adalah meliputi bilangan PMKS yang dilatih mengenai e-Dagang dan bilangan PMKS yang menerima guna e-Dagang. Sasaran bilangan PMKS yang dilatih mengenai e-Dagang bagi NESR 1.0 (2016 – 2020) adalah 145,000 manakala untuk NESR 2.0 (2021 - 2025) adalah 335,000. Sasaran bilangan PMKS untuk menerima guna e-Dagang pula bagi NESR 1.0 adalah 270,000 dan untuk NESR 2.0 adalah 540,000.
- b. Semakan Audit mendapati bilangan PMKS yang dilatih mengenai e-Dagang telah mencapai sasarannya sehingga tahun 2020 sebanyak 378,487 (261.0%) manakala pencapaian bagi tahun 2021 hingga tahun 2023 adalah sebanyak 306,003 (91.3%). Bagi menerima guna e-Dagang, pencapaian NESR 1.0 adalah sebanyak 489,958 (181.5%) dan NESR 2.0 adalah sebanyak 1.02 juta (189.2%). Butiran lanjut pencapaian bilangan PMKS yang dilatih dan menerima guna e-Dagang adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PENCAPAIAN BILANGAN PMKS YANG DILATIH DAN MENERIMA GUNA
e-DAGANG BERBANDING SASARAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2023

NESR	TAHUN	LATIHAN		PENERIMAGUNAAN	
		BIL. SASARAN	BIL. PENCAPAIAN	BIL. SASARAN	BIL. PENCAPAIAN
NESR 1.0 (2016 – 2020)	2016	145,000	TB	270,000	130,000
	2017		25,520		40,724
	2018		56,182		30,216
	2019		65,420		42,620
	2020		231,365		246,398
JUMLAH		145,000	378,487 (261.0%)	270,000	489,958 (181.5%)
NESR 2.0 (2021 – 2025)	2021	335,000	68,982	540,000	400,333
	2022		153,506		235,756
	2023*		83,515*		385,816
	2024		TB		TB
	2025		TB		TB
JUMLAH		335,000	306,003 (91.3%)	540,000	1,021,905 (189.2%)

Sumber: MDEC

Nota: TB - Tidak Berkenaan

(*) - Data bagi Tahun 2023, Data yang Dikemukakan oleh KUSKOP adalah Tertakluk kepada Pengesahan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pelan Halatuju Strategik e-Dagang Kebangsaan (NESR Taskforce)

- c. Semakan Audit terhadap tujuh program yang berkaitan latihan dan penerimgunaan e-Dagang mendapati kesemua program telah melebihi sasaran ditetapkan. Ini adalah selaras dengan penemuan Laporan NESR 2.0 *eCommerce as the Engine for Catalytic Growth for Businesses in Malaysia* yang dikeluarkan oleh Ernst & Young. Peningkatan penerimgunaan e-Dagang pada tahun 2019 dan 2020 adalah disebabkan PMKS beralih ke e-Dagang dan pendigitalan operasi perniagaan semasa berlaku pandemik Covid-19.

Pendapat Audit | **Prestasi pencapaian program latihan dan penerimgunaan e-Dagang telah melebihi sasaran yang ditetapkan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2023.**

5.1.2. Pemberian Insentif

- a. Kerajaan menyelaraskan semula insentif ekonomi sedia ada untuk pemegang taruh dalam ekosistem e-Dagang bagi memastikan penyampaian penggandaan manfaat yang berkesan kepada penerima yang berpotensi. Antara jenis insentif yang diberikan oleh Kerajaan adalah melalui insentif kewangan, geran bantuan, subsidi/diskaun kos penghantaran dan aktiviti e-Fulfillment.

- b. Sejumlah RM26.59 juta telah diperuntukkan bagi dua program yang melaksanakan pemberian insentif meliputi Program eTrade di bawah MATRADE dan Program DIGITALBIZ di bawah MARA. Semakan Audit mendapati agensi pelaksana telah membelanjakan sejumlah RM25.49 juta (95.9%) bagi tempoh tahun 2017 hingga 2023 seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PRESTASI PENCAPAIAN PEMBERIAN INSENTIF

BIL.	PROGRAM	PELAKSANAAN		BIL. PENERIMA INSENTIF/ MANFAAT (MERCHANT)	JUMLAH INSENTIF DILULUSKAN (RM Juta)	INSENTIF YANG DIBELANJAKAN (RM Juta)	BAKI (RM Juta)
		TAHUN	SASARAN				
1.	Program eTrade	2017 - 2023	3,834	4,562 (119.0%)	16.59	15.86	0.73
2.	Program Pendigitalan Perniagaan MARA (DIGITALBIZ)	2022	450	433 (96.2%)	5.00	4.76	0.24
		2023	450	509 (113.1%)	5.00	4.87	0.13
JUMLAH			4,734	5,504 (116.3%)	26.59	25.49 (95.9%)	1.10

Sumber: MATRADE dan MARA

- c. Bagi aktiviti e-Fulfillment, penetapan sasaran melibatkan dua Petunjuk Prestasi Utama (KPI) iaitu sasaran pelaburan dan sasaran pelaburan direalisasikan. Penetapan sasaran pelaburan terhadap aktiviti e-Fulfillment mensasarkan sejumlah RM50 juta hingga RM690.40 juta dalam NESR 1.0 dan RM320 juta setiap tahun bagi NESR 2.0. Bagi sasaran pelaburan direalisasikan pula, sasaran ditetapkan adalah antara RM50 juta ke RM213.10 juta bagi NESR 1.0 dan RM160 juta setiap tahun bagi NESR 2.0.
- d. Semakan Audit mendapati jumlah pelaburan terhadap aktiviti e-Fulfillment telah mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu RM4.193 bilion (230.3%) berbanding RM1.820 bilion bagi tahun 2016 hingga 2023.
- e. Manakala pencapaian pelaburan direalisasikan telah melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu sejumlah RM1.295 bilion (153.6%) berbanding RM0.843 bilion bagi tahun 2016 hingga 2023 seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PENCAPAIAN JUMLAH PELABURAN BERBANDING SASARAN
PADA TAHUN 2016 HINGGA TAHUN 2023

NESR	TAHUN	SASARAN JUMLAH PELABURAN (RM Juta)	PENCAPAIAN JUMLAH PELABURAN (RM Juta)	%	SASARAN JUMLAH PELABURAN DIREALISASIKAN (RM Juta)	PENCAPAIAN JUMLAH PELABURAN DIREALISASIKAN (RM Juta)	%
1.0	2016	TB	50.00	TB	TB	TB	TB
	2017	70.00	509.00	727.1	TB	22.60	TB
	2018	50.00	81.40	162.8	100.00	83.10	83.1
	2019	50.00	144.00	288.0	50.00	107.40	214.8
	2020	690.40	1,515.00	219.4	213.10	301.74	141.6
JUMLAH KECIL		860.40	2,299.40	267.2	363.10	514.84	141.8
2.0	2021	320.00	231.60	72.4	160.00	194.10	121.3
	2022	320.00	78.50	24.5	160.00	64.17	40.1
	2023	320.00	1,583.00	494.7	160.00	522.20	326.4
JUMLAH KECIL		960.00	1,893.10	197.2	480.00	780.47	162.6
JUMLAH BESAR		1,820.40	4,192.50	230.3	843.10	1,295.31	153.6

Sumber: MIDA

Nota: TB - Tidak Berkenaan. Penetapan Sasaran Jumlah Pelaburan Bermula Tahun 2017 dan Jumlah Pelaburan Direalisasikan pada Tahun 2018

Pendapat Audit | Prestasi pencapaian pemberian insentif telah mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2023.

5.1.3. Akses kepada Platform

- a. Kerajaan telah mengambil langkah menyediakan akses kepada platform bagi mempercepat penerimgunaan e-Dagang oleh PMKS. Terdapat dua platform yang disediakan iaitu Program Desamall oleh KKDW dan Platform MyMall oleh KUSKOP.
- b. Semakan Audit mendapati status penyediaan bantuan kepada peserta/usahawan adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
STATUS PENYEDIAAN BANTUAN KEPADA PESERTA/USAHAWAN

BIL.	PLATFORM	JENIS BANTUAN YA (✓)/TIDAK (X)				TEMPOH	BIL. PESERTA
		PLATFORM	LATIHAN	PERALATAN	PROMOSI		
1.	Program Desamall	✓	✓	X	✓	2019 – 2023	6,078
2.	MyMall	✓	X	X	✓	2022* – 2023	1,537
JUMLAH							7,615

Sumber: KUSKOP dan KKDW

Nota: (*) - Platform MyMall Mula Go-Live Pada 12 April 2022

- c. KKDW telah menetapkan sasaran Program Desamall adalah seramai 5,000 usahawan luar bandar bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023 untuk memasarkan produk/perkhidmatan dalam platform e-Dagang atau aplikasi digital. Semakan Audit mendapati seramai 6,078 (121.6%) usahawan luar bandar telah menyertai Program Desamall bagi tempoh tahun 2019 sehingga 2023.
- d. Semakan Audit terhadap prestasi pencapaian Pembangunan Platform e-Dagang MyMall di bawah KUSKOP pula mendapati tiga daripada enam sasaran telah dicapai melibatkan bilangan penjual, jumlah jualan serta promosi dan pengiklanan platform. Sasaran bilangan penjual dan hasil jualan telah melebihi sasaran iaitu seramai 943 (471.5%) dan RM2.78 juta (111.2%).
- e. Tiga lagi sasaran tidak berjaya dicapai iaitu tempoh penyiapan platform, integrasi platform dan bilangan pengikut media sosial platform e-Dagang MyMall. Pembangunan Platform e-Dagang MyMall yang melibatkan enam fasa telah siap pada 1 Jun 2023. Bagaimanapun, **lima daripada enam fasa tersebut disiapkan melebihi tempoh yang ditetapkan dan tiada bukti kelulusan pelanjutan masa secara bertulis**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PRESTASI PENCAPAIAN PEMBANGUNAN PLATFORM e-DAGANG MYMALL
BAGI TEMPOH TAHUN 2022 HINGGA 2023

BIL.	ASPEK YANG DISEMAK	SASARAN	PENCAPAIAN
1.	Bil. Penjual di MyMall	Sasaran Penjual Tahun: 2022: Tiada 2023: 200	Pencapaian Penjual Tahun: 2022: 594 2023: 943 (471.5%)
2.	Hasil Jualan di Platform e-Dagang MyMall	Sasaran Jualan Tahun: 2022: Tiada 2023: RM2.50 juta	Pencapaian Jualan Tahun: 2022: RM1,842.60 2023: RM2.78 juta (111.2%)
3.	Promosi dan Pengiklanan Platform e-Dagang MyMall	Berdasarkan <i>Letter of Award</i> (LOA) yang ditandatangani lima skop kerja perlu dilaksanakan bagi promosi dan pengiklanan MyMall.	Kesemua perancangan dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) melibatkan lima skop kerja telah berjaya dicapai.
4.	Tempoh Penyiapan Platform e-Dagang MyMall	Tarikh penyiapan ditetapkan: Fasa 1A: 21.03.2022 Fasa 1B: 06.05.2022* Fasa 2A (i): 15.08.2022 Fasa 2A (ii): 31.10.2022 Fasa 2B: 12.12.2022 Fasa 2C: 13.01.2023	Tarikh penyiapan sebenar: Fasa 1A: 23.03.2022 (Lewat: 2 hari) Fasa 1B: 15.05.2022 Fasa 2A (i): 02.01.2023 (Lewat: 140 hari) Fasa 2A (ii): 02.01.2023 (Lewat: 63 hari) Fasa 2B: 20.02.2023 (Lewat: 70 hari) Fasa 2C: 01.06.2023 (Lewat: 139 hari)
5.	Integrasi Platform Lain di Platform MyMall	Menggabungkan aplikasi WarongKu, Pybli, ODELA dan Angsana Virtual Mall di bawah satu aplikasi.	Hanya platform Pybli telah mencapai KPI 100% melalui pendekatan integrasi sistem antara MyMall dengan platform Pybli. Platform ODELA dalam proses penambahbaikan dan WarongKu masih belum memberikan maklum balas.
6.	Pengikut Media Sosial Platform e-Dagang MyMall	Sasaran semasa pembangunan MyMall Fasa 2: 1.00 juta	Bilangan pengikut yang dilaporkan di dalam Mesyuarat JPP MyMall pada: Bil. 3/2023 (14.04.2023): 20,767 Bil. 4/2023 (07.06.2023): 16,433 Bil. 5/2023 (11.08.2023): 1,957 Semakan Audit pada 08.02.2024: 16,065 (1.6%)

Sumber: KUSKOP

Nota: (*) - Terdapat Lanjutan Masa Diluluskan dari 6 Mei 2022 kepada 15 Mei 2022 Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek Bil. 3/2022 Bertarikh 8 April 2022

Maklum balas KUSKOP yang diterima pada 4 dan 19 April 2024

Justifikasi perubahan garis masa pembangunan platform MyMall antaranya disebabkan proses pemindahan daripada persekitaran pembangunan ke *production* yang memerlukan pelarasan kod dan kestabilan persekitaran, perolehan lesen untuk aplikasi mudah alih, penambahbaikan fungsi-fungsi asas, *user interface*, *complexity requirement* dan keperluan perubahan baharu. Kelulusan pelanjutan pembangunan platform MyMall dipersetujui di Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek (JPP) MyMall. KUSKOP mengambil maklum akan keperluan untuk memaklumkan pelanjutan tempoh masa secara bertulis dan akan melaksanakan penambahbaikan pada masa akan datang.

Bagi pengintegrasian platform pula, platform ODELA masih sedang ditambah baik dan Angsana Virtual Mall (AVM) pula tidak lagi aktif. Proses memuat naik produk dan usahawan di ODELA dan AVM dibuat secara manual. Integrasi antara MyMall dan ODELA dijadualkan pada bulan Julai 2024. Kod *Application Programming Interface* (API) yang disediakan adalah generik dan boleh diberikan kepada aplikasi lain yang ingin berkolaborasi dengan MyMall. KUSKOP telah mengadakan perbincangan dengan rakan-rakan strategik yang berpotensi dan sekiranya direalisasikan API tersebut boleh diguna pakai untuk menghubungkan MyMall dan lain-lain platform. Kos integrasi API tersebut adalah dibawah tanggungan rakan-rakan strategik tersebut.

Bagi pengikut media sosial pula, sasaran seramai 1.00 juta pengikut merupakan sasaran awal semasa penubuhan MyMall berdasarkan anggaran kasar yang tidak berdasarkan sebarang analisis terperinci. Sasaran tersebut tidak tercapai kerana penglibatan usahawan PMKS yang tidak konsisten selepas Covid-19. Jumlah pengikut dijangka akan meningkat apabila keempat-empat fungsi di MyMall lengkap digunakan sepenuhnya. KUSKOP akan membuat penilaian semula terhadap penetapan sasaran yang lebih realistik. Pada masa yang sama, KUSKOP telah menggunakan perkhidmatan pempengaruh khususnya dalam kalangan selebriti usahawan untuk membantu meningkatkan aliran trafik dan jumlah pengikut di media sosial. Pempengaruh tersebut juga akan turut menjual produk mereka di MyMall.

Pendapat Audit	Prestasi pencapaian Program Desamall di bawah KKDW telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, prestasi pencapaian Pembangunan Platform e-Dagang MyMall di bawah KUSKOP pula adalah kurang memuaskan kerana hanya tiga daripada enam sasaran berjaya dicapai.
-----------------------	--

5.1.4. Kajian Soal Selidik

- a. Pihak Audit telah melaksanakan kajian soal selidik melalui pengedaran borang soal selidik secara dalam talian bagi empat program e-Dagang yang diaudit bagi memperoleh maklum balas berkaitan program, peningkatan hasil dan pengekalan dalam perniagaan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
BILANGAN PROGRAM DAN RESPONDEN

PROGRAM	BILANGAN RESPONDEN	BILANGAN MAKLUM BALAS RESPONDEN	%
Desamall	300 usahawan	40 usahawan	13.3
DIGITALBIZ	942 usahawan	105 usahawan	11.1
eTrade	4,459 syarikat	134 syarikat	3.0
Aktiviti e-Fulfillment	18 syarikat	11 syarikat	61.1

Sumber: Jabatan Audit Negara

- b. Hasil daripada kajian tersebut mendapati responden memberi maklum balas yang positif terhadap keberkesanan program, peningkatan hasil jualan dan pengekalan dalam perniagaan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
MAKLUM BALAS RESPONDEN TERHADAP PROGRAM
DESAMALL, DIGITALBIZ, eTRADE DAN AKTIVITI e-FULFILLMENT

PROGRAM	ASPEK PENGUKURAN	HASIL KAJIAN
Desamall	Keberkesanan Program	Seramai 36 (90%) responden bersetuju program Desamall adalah berkesan.
	Peningkatan Hasil Jualan	Peningkatan jumlah jualan produk dalam talian bagi tahun 2019 hingga 2022 adalah dari 11.2% sehingga 137.2%. Bagaimanapun, terdapat penurunan jumlah jualan produk dalam talian bagi tahun 2023 sebanyak 48.6%.
DIGITALBIZ	Keberkesanan Program	Seramai 104 (99%) responden bersetuju program Digitalbiz adalah berkesan.
	Peningkatan Hasil Jualan	Seramai 95 (90.5%) responden menunjukkan peningkatan dalam hasil jualan secara dalam talian (online).
eTrade	Peningkatan Hasil	69 syarikat (51.5%) menyatakan ada peningkatan hasil jualan tahunan selepas menyertai program eTrade.
	Pengekalan Dalam Platform	88 syarikat (65.7%) masih aktif di platform e-Dagang rentas sempadan.
Aktiviti e-Fulfillment	Aktif Menjalankan Aktiviti	Kesemua (100%) syarikat bergiat secara aktif untuk mengembangkan aktiviti perkhidmatan e-Fulfillment e-Dagang untuk beberapa tahun terdekat ini.

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.2. Pengurusan Program

5.2.1. Peruntukan dan Perbelanjaan Kewangan

- a. 10 program menggunakan dana pembangunan dan Kumpulan Wang Covid-19 (KWC-19) manakala satu program iaitu Platform MyMall menggunakan baki peruntukan perbelanjaan mengurus oleh kementerian yang telah disalurkan kepada agensi.
- b. Semakan Audit mendapati 10 program telah menggunakan dana pembangunan dan KWC-19 berjumlah RM572.32 juta (98.6%) daripada RM580.68 juta yang telah diperuntukkan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI 10 PROGRAM

BIL.	PROGRAM YANG DIAUDIT	TAHUN	SUMBER DANA	JUMLAH PERUNTUKAN (RM Juta)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM Juta)	BELANJA (%)	BAKI (RM Juta)	CATATAN
1.	Program DIGITALBIZ	2022 - 2023	Dana pembangunan	10.00	9.64	96.4	0.36	Baki peruntukan merupakan baki tanggungan/ komited.
2.	Program Desamall	2019 - 2023	Dana pembangunan	11.80	8.12	68.8	3.68	Baki peruntukan merupakan baki tanggungan/ komited.
3.	Program Bimbingan Jualan Atas Talian (e-BOARD)	2021 - 2022	*Dana khas & KWC-19	2.90	2.13	73.4	0.77	Baki peruntukan sebanyak RM0.50 juta diperuntukkan semula kepada Program Bimbingan Usahawan MyMall. Baki peruntukan berjumlah RM0.27 juta telah dipulangkan kepada TEKUN Nasional.
4.	Latihan Pemasaran Digital (IBT)	2021 - 2022	Dana pembangunan & KWC-19	6.10	6.10	100	0.00	-
5.	INSKEN Masterclass	2021 - 2022	Dana pembangunan	0.0015	0.0015	100	0.00	-
6.	Program eTrade	2017 - 2023	Dana pembangunan	16.59	15.86	95.6	0.73	Baki peruntukan RM0.70 juta disalurkan kepada program lain MATRADE, RM23,486.93 (dipulangkan kepada MITI) RM158.22 (baki peruntukan RMKe-12).
7.	Program eUsahawan	2016 - 2020	*Dana khas & Dana pembangunan	120.00	120.00	100	0.00	-

BIL.	PROGRAM YANG DIAUDIT	TAHUN	SUMBER DANA	JUMLAH PERUNTUKAN (RM Juta)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM Juta)	BELANJA (%)	BAKI (RM Juta)	CATATAN
8.	Program Pelaksanaan Pembangunan e-Dagang Kebangsaan (RMKe-11)	2017 - 2020	Dana Pembangunan	9.00	9.00	100	0.00	-
9.	Inisiatif PENJANA e-Dagang	2020 - 2022	KWC-19	392.86	392.86	100	0.00	-
10.	Program Penerimaan e-Dagang Kebangsaan (RMKe-12)	2022 - 2023	Dana pembangunan	11.43	8.61	75.3	2.82	Baki peruntukan merupakan baki tanggungan/komited
JUMLAH				580.68	572.32	98.6	8.36	

Sumber: MARA, KKDW, INSKEN, MATRADE dan MDEC

Nota: (*) - Dana Khas Melibatkan Dana TEKUN Nasional, *Young Entrepreneur Challenge* dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

- c. Pembangunan Platform MyMall dibiayai menggunakan sebahagian daripada baki peruntukan Perbelanjaan Mengurus yang telah disalurkan kepada Bank Rakyat bagi program Skim Bazar Ramadhan tahun 2014 - 2016 berjumlah RM9.21 juta. MoF telah bersetuju untuk KUSKOP menggunakan baki peruntukan berjumlah RM7 juta bagi tujuan Pembangunan Platform MyMall pada 25 Januari 2022. Sehingga 31 Disember 2023, sejumlah RM5.44 juta (77.7%) telah dibelanjakan kepada pembekal yang dilantik seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
STATUS PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MYMALL PADA 31 DISEMBER 2023

BUTIRAN PERBELANJAAN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	JUMLAH PEMBAYARAN SEHINGGA 31.12.2023 (RM Juta)	BAKI PERUNTUKAN (RM Juta)	PERATUS PEMBAYARAN (%)
Fi Pengurusan	0.70	0.54	0.16	77.1
Pembangunan Platform Fasa 1	0.75	0.75	0.00	100
Pembangunan Platform Fasa 2	2.25	1.67	0.58	74.2
Pengiklanan dan Promosi	2.00	2.00	0.00	100
Lain-lain Perbelanjaan	1.30	0.48	0.82	36.9
JUMLAH	7.00	5.44	1.56	77.7

Sumber: KUSKOP

5.2.2. Pelaksanaan Program

a. Program Desamall

- i. Syarikat 1275684-M telah dilantik oleh KKDW melalui *Memorandum of Understanding* sebagai pentadbir Program Desamall. Syarikat 1275684-M memberikan perkhidmatan latihan dan *on-Boarding* usahawan berkenaan

dengan platform digital, menguruskan 11 platform (Shopee, Lazada, PrestoMall, Youbeli, Wowshop, Desamall.my, TikTok, WhatsApp Business, Ebay, Etsy dan Amazon), menguruskan pemasaran digital, pesanan dan logistik produk usahawan serta menyalurkan bayaran hasil jualan produk dalam talian kepada usahawan yang menyertai program.

- ii. Semakan Audit terhadap pematuan pelaksanaan Program Desamall mendapati **tiada maklumat pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) usahawan yang terlibat, bilangan Stock Keeping Unit (SKU) tidak menepati syarat dan kelewatan pembayaran kepada usahawan**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
PEMATUAN PELAKSANAAN PROGRAM DESAMALL

BIL.	KRITERIA	PENEMUAN AUDIT
1.	Kriteria pemilihan usahawan yang diwajibkan adalah seperti perkara berikut: - Mempunyai Sijil SSM - Mempunyai produk dan perkhidmatan sendiri - Perlu mempunyai stok tersedia sekurang-kurangnya 20 unit per SKU - Perniagaan telah beroperasi dari enam bulan ke setahun	Tiada Maklumat Pendaftaran SSM Usahawan - Analisis Audit terhadap <i>masterlist</i> usahawan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023 mendapati seramai 963 (15.8%) daripada 6,078 usahawan tiada maklumat SSM dan dua daripadanya masih belum mendaftar SSM. - Analisis Audit selanjutnya mendapati tahun 2022 merupakan tahun paling tinggi usahawan tidak mengemukakan maklumat SSM iaitu seramai 490 (50.9%). Bilangan Stock Keeping Unit (SKU) Tidak Menepati Syarat Semakan Audit terhadap data <i>dashboard</i> oleh Syarikat 1275684-M sehingga bulan Disember 2023 mendapati jumlah produk yang dikeluarkan adalah sebanyak 5,502 jenis dengan jumlah SKU sebanyak 29,348 unit. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan syarat wajib stok tersedia sekurang-kurangnya 20 unit per SKU (20 unit per SKU (online)/50 unit per SKU (online dan offline)) ini.
2.	Merujuk kepada perkara J - terma dan syarat am Borang Pendaftaran Usahawan Desamall menyatakan usahawan bersetuju dan membenarkan pihak Syarikat 1275684-M untuk membuat pembayaran balik dalam tempoh 30 hari daripada tarikh laporan jualan diterima.	Kelewatan Pembayaran kepada Usahawan Analisis Audit terhadap sampel laporan jualan yang dikeluarkan oleh Syarikat 1275684-M dan resit pembayaran kepada 17 usahawan mendapati terdapat kelewatan bayaran berjumlah RM2,048.04 antara 19 hingga 224 hari.

Sumber: KKDW

Maklum balas KKDW yang diterima pada 28 Mac 2024

Justifikasi bagi *onboarding* usahawan yang tiada maklumat SSM adalah seperti berikut:

- a. Pihak Pentadbir Desamall telah menggunakan budi bicara atau kelonggaran bagi pendaftaran usahawan ke Program Desamall terutamanya usahawan dari Negeri Sabah dan Sarawak yang masih belum mempunyai pendedahan atau kesedaran

bagi mendaftarkan perniagaan mereka dengan Ordinan Perniagaan Sabah dan Sarawak.

- b. Usahawan Orang Asli di bawah bimbingan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang tidak mempunyai SSM tetapi menjadi pembekal (supplier) kepada pentadbir Desamall bagi membolehkan usahawan ini menjual produk-produk mereka melalui platform Desamall. Kaedah ini memudahkan dan memberi kelonggaran kepada usahawan Orang Asli yang berminat untuk menyertai program Desamall.
- c. SSM yang dikemukakan oleh usahawan telah tamat tempoh dan ada yang sedang menunggu/memohon SSM yang baharu. Selain itu, terdapat juga usahawan menggunakan SSM keluarga mereka untuk pendaftaran dalam program ini kerana nama usahawan telah disenarai hitam.

Bahagian Pembangunan Ekonomi Komuniti akan menyemak semula syarat penyertaan program ini khususnya dari segi pendaftaran SSM di mana perlunya ada elemen budi bicara khususnya bagi usahawan dari Negeri Sabah, Sarawak, Orang Asli dan kes-kes tertentu agar golongan usahawan di luar bandar ini tidak terpinggir dari memasarkan produk secara dalam talian.

Sebahagian besar usahawan luar bandar tidak berupaya memenuhi syarat menyediakan produk dan mempunyai stok tersedia sekurang-kurangnya 20 unit per SKU (online)/50 unit per SKU (online dan offline) kerana mereka terletak di bawah kategori usahawan piko dan nano. Terdapat juga usahawan yang tidak membawa stok tersedia seperti yang diharapkan. Bagi mengekalkan komitmen usahawan untuk menyediakan stok tersedia, Pentadbir Desamall sentiasa berhubung dengan usahawan tersebut untuk mendapatkan stok tersedia bertujuan memenuhi syarat penyertaan dan tetap menerima produk yang tidak mengikut bilangan SKU yang ditetapkan. Selain itu, usahawan lebih suka dengan kaedah *outright* (pembelian penuh produk usahawan oleh Pentadbir Desamall) berbanding *consignment based* (pembayaran hasil jualan produk kepada usahawan hanya setelah jualan berlaku).

Faktor-faktor yang menyumbang kepada kelewatan pembayaran adalah seperti berikut:

- a. Pembeli tidak mengambil tindakan untuk klik *Order Received* dalam aplikasi platform e-Dagang setelah menerima pesanan yang menyebabkan kelewatan pembayaran oleh platform e-Dagang;
- b. Isu penyata penyesuaian (reconciliation) mengambil masa memandangkan pada peringkat awal Pentadbir Desamall hanya mempunyai satu akaun bank sahaja bagi tujuan penerimaan pembayaran;
- c. Platform e-Dagang lambat mengemukakan senarai pesanan dan pembayaran bagi produk yang telah dibeli; dan

- d. Usahawan gagal memberikan maklumat diri secara langsung seperti nombor akaun bank, nama pemegang akaun dan nama bank.

Bagi mengatasi masalah kelewatan dalam membuat pembayaran kepada usahawan, pihak Pentadbir Desamall telah mengambil inisiatif dengan membayar terlebih dahulu kepada usahawan setiap kali produk mereka terjual di platform e-Dagang.

b. Pembangunan Platform e-Dagang MyMall

Semakan Audit terhadap kontrak perjanjian melibatkan MyMall mendapati perkara seperti berikut:

- i. Tiada elemen yang menjamin kepentingan Kerajaan dalam surat pelantikan yang dikeluarkan oleh KUSKOP kepada Syarikat 49572-H seperti **deliverables, spesifikasi, tempoh perjanjian, jadual pembayaran dan klausa pemilikan kod sumber.**
- ii. **Kontrak perjanjian antara KUSKOP dan Syarikat 49572-H lewat disediakan dan dimuktamadkan.**

Maklum balas KUSKOP yang diterima pada 4 April 2024, 19 April 2024 dan 17 Mei 2024

Bagi tujuan penyediaan skop perjanjian, Pelan Tindakan Pembangunan Platform MyMall perlu dibangunkan terlebih dahulu. Pelan Tindakan ini mengandungi hala tuju dan perancangan teras kepada pembangunan, promosi dan operasi platform MyMall. Lantikan firma guaman tersebut dibuat setelah Pelan Tindakan Pembangunan Platform MyMall diluluskan di Mesyuarat JPP MyMall pada 9 Jun 2022.

Dokumen kontrak melibatkan KUSKOP dan Syarikat 49572-H telah disemak oleh Pejabat Penasihat Undang-undang KUSKOP dan sedang dalam tindakan Syarikat 49572-H. Perjanjian ini mengambil masa yang lama untuk dimuktamadkan susulan isu pengendali akaun MyMall. Rundingan akhir bagi memuktamadkan perjanjian telah diadakan pada 18 April 2024 dan perjanjian dijangka akan dimuktamadkan dan ditandatangani selewat-lewatnya pada 30 April 2024.

- iii. Syarikat 49572-H **hanya mengeluarkan *Letter of Award (LOA)* sahaja bagi perolehan pembangunan dan promosi platform MyMall dengan tiga syarikat yang dilantik bernilai antara RM0.75 juta hingga RM2.25 juta** seperti dalam **Jadual 12.**

JADUAL 12
KONTRAK TIDAK DITANDATANGAN ANTARA SYARIKAT 49572-H
DAN SYARIKAT YANG DILANTIK

BIL.	BUTIRAN PERKHIDMATAN	SYARIKAT DILANTIK	TEMPOH	NILAI PEROLEHAN (RM Juta)
1.	<i>To Develop Portal and Mobile Application of MyMall Digital Platform (Phase 1A & 1B) for 49572-H</i>	0484872W	07.03.2021 – 06.05.2022	0.75
2.	<i>MyMall Phase 2 Platform Development and MyMall Business Operation</i>	PS/693807-U	01.08.2022 – 31.07.2025	2.25
3.	<i>Promotional and Advertising for MyMall 2022 Digital Platform</i>	1061086X	07.07.2022 – 06.07.2023	2.00
JUMLAH				5.00

Sumber: KUSKOP

- iv. Semakan Audit mendapati LOA yang ditandatangani **tidak menjamin kepentingan Kerajaan** meliputi klausa pemilikan kod sumber, tempoh tanggungan kecacatan dan gerbang pembayaran MyMall. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
LOA YANG DITANDATANGAN TIDAK MENJAMIN KEPENTINGAN KERAJAAN

PROJEK/ PROGRAM	PERIHAL YANG TIDAK MENJAMIN KEPENTINGAN KERAJAAN	PENEMUAN AUDIT	KONTRAK TERLIBAT	PIHAK YANG TERLIBAT
Pembangunan Platform e-Dagang MyMall	Klausa Pemilikan Kod Sumber	Klausa pemilikan kod sumber tidak dinyatakan di dalam LOA yang dikeluarkan kepada pihak pembekal. Ketiadaan klausa ini menyebabkan hak Kerajaan ke atas kod sumber boleh dipertikaikan.	Pembangunan Platform dan Aplikasi Mudah Alih Platform Digital MyMall (Fasa 1A & 1B)	Syarikat 49572-H dan Syarikat 0484872W
			Pembangunan Platform MyMall Fasa 2 dan Operasi MyMall	Syarikat 49572-H dan Syarikat PS/693807-U
	Tempoh Tanggungan Kecacatan	Klausa jaminan (warranty) tidak dinyatakan di dalam LOA. Ini akan menyebabkan Kerajaan terpaksa menanggung kos pembaikan sekiranya berlaku sebarang kerosakan selepas tempoh kontrak.	Pembangunan Platform dan Aplikasi Mudah Alih Platform Digital MyMall (Fasa 1A & 1B)	Syarikat 49572-H dan Syarikat 0484872W
			Pembangunan Platform MyMall Fasa 2 dan Operasi MyMall	Syarikat 49572-H dan Syarikat PS/693807-U
	Gerbang Pembayaran MyMall	Tugas dan tanggungjawab Syarikat PS/693807-U selaku gerbang pembayar tidak dinyatakan dengan jelas. Berdasarkan LOA, skop dinyatakan di bawah <i>Joint Operation</i> yang antaranya menyatakan “ <i>operational team and management resources to support end to end MyMall business operation (but not limited to) payment and distribution management; and accounting and automation</i> ”.	Pembangunan Platform MyMall Fasa 2 dan Operasi MyMall	Syarikat 49572-H dan Syarikat PS/693807-U

Sumber: KUSKOP

Maklum balas KUSKOP yang diterima pada 4 dan 19 April 2024

Berdasarkan Tatacara Pengendalian Piawai Syarikat 49572-H, *Letter of Award* (LOA) dikeluarkan bagi membolehkan vendor menjalankan kerja-kerja pembangunan platform, promosi dan pengiklanan. LOA terguna pakai semasa tempoh pelaksanaan projek. Kontrak sokongan dan penyenggaraan (bagi kes melibatkan Syarikat PS/693807-U) yang merangkumi klausa yang menjamin kepentingan pemilik sewajarnya ditanda tangan dalam tempoh tiga bulan selepas projek siap.

Bagaimanapun, kontrak masih belum dimuktamadkan kerana pihak Syarikat 49572-H tidak boleh mewakili KUSKOP untuk mengendalikan operasi MyMall. Selain sokongan dan penyelenggaraan tahunan platform MyMall, pihak vendor turut menawarkan nilai tambah untuk operasi MyMall yang perlu diperincikan dan dimasukkan di dalam kontrak kerana nilai tambah ini adalah berkaitan dengan *joint operation*, serta pemasaran dan promosi. Syarikat 49572-H akan memasuki perjanjian (Annual Maintenance Contract) dengan Syarikat PS/693807-U yang bakal dimuktamadkan selewat-lewatnya pada 30 April 2024.

- v. Ketiadaan kontrak yang jelas antara KUSKOP dan Syarikat 49572-H serta Syarikat 49572-H dan tiga pembekal yang dilantik menyebabkan kelemahan kepada operasi MyMall seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
KELEMAHAN PENGURUSAN OPERASI PLATFORM e-DAGANG MYMALL

PROGRAM/PROJEK	PERKARA	PENEMUAN AUDIT
Pembangunan Platform e-Dagang MyMall	Gerbang Pembayaran MyMall	- Syarikat yang dilantik sebagai gerbang pembayar MyMall adalah syarikat yang sama bagi pembangunan platform. Syarikat tersebut bukan pengendali gerbang pembayar yang berlesen dengan Bank Negara Malaysia. - Urus niaga terimaan dan bayaran yang berkaitan dengan MyMall dibuat menggunakan akaun bank Syarikat PS/693807-U. Tiada akaun berasingan yang khusus kepada urus niaga MyMall dibuka. - Tiada bukti kemudahan e-dompet (e-wallet) yang disediakan telah mendapat kelulusan daripada Bank Negara Malaysia.
	Caj Bayaran	Semakan Audit terhadap 16 transaksi jual beli mendapati ketidakseragaman caj bayaran. Caj bayaran bagi sejumlah sembilan (56.3%) transaksi telah dikenakan kepada penjual manakala tujuh (43.8%) transaksi lagi telah dikenakan kepada pembeli.
	Kelemahan Sistem	Capaian <i>Identifir</i> (ID) Pentadbir - ID pentadbir iaitu admin@websight.com.my diwujudkan yang berperanan sebagai <i>super admin</i>. Capaian bagi pengguna ID tersebut adalah tidak terhad dan berdasarkan temu bual, ia digunakan oleh lima pegawai Syarikat PS/693807-U. Penggunaan ID umum oleh beberapa pegawai Syarikat PS/693807-U akan menyebabkan jejak Audit bagi sebarang perubahan atau transaksi yang dibuat menggunakan ID tersebut sukar dikenal pasti. Akauntabiliti terhadap perubahan transaksi dan data sukar untuk ditentukan. - Capaian bagi pengguna <i>super admin</i> adalah tidak terhad sehingga boleh mengambil alih akaun penjual dan melaksanakan peranan sebagai penjual tanpa jejak sebagai <i>super admin</i>. Keadaan ini mendedahkan risiko pengubahsuaian data dan pelanggaran privasi pengguna di dalam platform MyMall. Bagaimanapun, pelanggaran tersebut tidak dapat dikenalpasti.

PROGRAM/PROJEK	PERKARA	PENEMUAN AUDIT
		Jejak Audit Berdasarkan <i>walkthrough</i> yang dijalankan, jejak Audit tidak disediakan dalam sistem MyMall. Ketiadaan jejak Audit ini akan menyebabkan kesukaran untuk menjejaki dan menyelesaikan masalah teknikal. Selain itu, proses mengenal pasti punca masalah juga akan menjadi sukar dan langkah-langkah pembetulan tidak dapat dilaksanakan dengan cekap. Tanpa jejak Audit juga, penilaian tahap keselamatan platform sukar untuk dinilai.

Sumber: KUSKOP

Maklum balas KUSKOP yang diterima pada 4 dan 19 April 2024

Syarikat PS/693807-U tidak mempunyai lesen sebagai pengendali *Payment Gateway*. Disebabkan itu, pihak Syarikat PS/693807-U bekerjasama dengan dua pengendali lain untuk mengendalikan pembayaran secara dalam talian. Bagi pengurusan kewangan platform MyMall, urus niaga MyMall menggunakan akaun milik Syarikat PS/693807-U berikutan masalah teknikal pembayaran oleh pihak syarikat. Bermula bulan Mac 2023, syarikat telah mewujudkan akaun bank lain bagi tujuan khusus kepada urus niaga MyMall. Syarikat PS/693807-U menyatakan bahawa menurut polisi BNM, kelulusan atau kebenaran dari BNM hanya diperlukan jika kadar tambah nilai e-dompet melebihi RM200. Buat permulaan fasa projek MyMall ini pihak Syarikat PS/693807-U belum memohon kebenaran dari BNM untuk mengendalikan kemudahan e-dompet. Pihak Syarikat PS/693807-U sedang berbincang dengan beberapa pemegang lesen e-wallet untuk persediaan kemungkinan dan keperluan kadar tambah nilai melebihi RM200 di masa hadapan. Bagaimanapun pihak KUSKOP telah memohon agar fungsi e-dompet ini dihentikan sementara sehingga KUSKOP mendapat maklumat yang lebih terperinci mengenai tatacara pengurusan e-dompet.

Bagi caj bayaran yang tidak seragam, pada permulaan, telah berlaku kesilapan dalam penetapan parameter caj Paypal dan *Payment Gateway* menyebabkan caj dikenakan kepada penjual. Kesilapan telah dikenal pasti oleh Syarikat PS/693807-U dan diperbaiki di mana caj *Payment Gateway* ditanggung oleh pembeli. Perkara ini diberi perhatian dan akan ditambah baik dengan membuat semakan secara berkala.

Susulan *walkthrough* yang dijalankan, Syarikat PS/693807-U telah mengambil langkah penambahbaikan dan mewujudkan akses berlainan untuk ID pentadbir bagi mengelakkan perkongsian kata laluan. KUSKOP mengambil maklum akan pendapat Audit supaya jejak audit yang disediakan sewajarnya lebih ringkas dan mudah untuk dirujuk. Sesi perbincangan telah diadakan pada 18 April 2024 berhubung penyediaan jejak audit yang lebih terperinci dan jelas.

5.2.3. Pemantauan Program

Semakan telah dilaksanakan terhadap mekanisme pemantauan bagi 12 program terlibat mendapati pemantauan pengurusan program e-Dagang yang diaudit telah dilaksanakan dengan teratur di peringkat kementerian dan agensi pelaksana. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
PEMANTAUAN PROGRAM e-DAGANG YANG DIAUDIT

PROGRAM	KAEDAH PEMANTAUAN	ULASAN
Pembangunan Platform e-Dagang MyMall	Keseluruhan pembangunan dipantau oleh Jawatankuasa Pemandu Projek MyMall (JPP MyMall) dan Jawatankuasa Kerja Projek MyMall (JKP MyMall).	Secara keseluruhannya JPP MyMall dan JKP MyMall telah memantau pelaksanaan Pembangunan Platform e-Dagang MyMall. Bagaimanapun, pengurusan kewangan MyMall yang melibatkan kawalan aliran tunai dari pembeli sehingga peniaga menerima bayaran tidak dibincangkan secara berkala di peringkat JPP MyMall. Ini termasuk kawalan dan pematuhan prosedur kewangan MyMall, pemantauan terhadap penggunaan akaun bagi tujuan transaksi MyMall dan kawalan serta pematuhan pengurusan kewangan e-dompet MyMall.
Program Bimbingan Jualan Atas Talian (E-BOARD)	Pencapaian dipantau di peringkat INSKEN melalui pelaporan peningkatan jualan peserta.	Dilaporkan kepada Bahagian Pemerkasaan dan Pemantauan Keusahawanan, KUSKOP.
Latihan Pemasaran Digital (IBT)	Pencapaian program latihan di peringkat INSKEN melalui pelaporan <i>tracer study</i> yang dibuat 30 hari selepas program dilaksanakan.	
INSKEN <i>Masterclass</i>		
Pelan Pelaksanaan Pembangunan e-Dagang Kebangsaan	Pencapaian dipantau di peringkat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian.	Dilaporkan di peringkat NECC.
Program Penerimagination e-Dagang	Pencapaian dipantau di peringkat Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian.	Dilaporkan di peringkat NESR <i>Taskforce</i> .
Program e-Usahawan	Pencapaian dipantau di peringkat Jawatankuasa/Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian.	Dilaporkan di peringkat NECC pada tahun 2019.
Inisiatif PENJANA e-Dagang	Syarikat e-commerce menghantar laporan secara bulanan dan ada keperluan pelaksanaan diaudit oleh juruaudit dilantik bagi pemantauan dan tujuan pembayaran.	Dilaporkan di peringkat NESR <i>Taskforce</i> pada tahun 2020 hingga 2022.
Program eTrade	Edaran kajian soal selidik untuk mendapatkan data hasil jualan mengikut skop tahun sebelumnya.	Maklum balas terhadap kajian soal selidik adalah secara sukarela disebabkan platform e-Dagang rentas sempadan dan PMKS tidak mempunyai obligasi untuk melaporkan kemajuan secara berkala dan tiada penguatkuasaan terhadap ketetapan yang digariskan oleh MATRADE.
Aktiviti e-Fulfillment Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS) dan Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa	Edaran kajian soal selidik mengikut setiap suku tahun.	Maklum balas yang diterima daripada syarikat berkenaan digunakan untuk mengemas kini pelaporan data ke NESR.

PROGRAM	KAEDAH PEMANTAUAN	ULASAN
Desamall	Pemantauan hasil jualan dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan Ekonomi Komuniti (EK) melalui <i>dashboard</i> .	Dilaporkan kepada pengurusan tertinggi KKDW melalui mesyuarat dan program pendigitalan usahawan yang dilaksanakan setiap bulan atau sekurang-kurangnya enam kali setahun.
DIGITALBIZ	Pemantauan secara fizikal oleh MARA dilaksanakan dengan kekerapan dua kali iaitu pertama pada enam bulan selepas tamat program dan kali kedua pada enam bulan berikutnya selepas tamat program.	Laporan pemantauan menunjukkan usahawan telah menggunakan insentif atau bantuan yang diberikan, peralatan yang dibekalkan dihantar dan dipasang pada waktu yang ditetapkan.

Sumber: KUSKOP, INSKEN, MDEC, MATRADE, MIDA, KKDW, MARA

Maklum balas KUSKOP yang diterima pada 4 April 2024, 19 April 2024 dan 17 Mei 2024

KUSKOP mengambil maklum akan teguran Audit berkaitan pengurusan kewangan (kawalan aliran tunai dari pembeli sehingga peniaga menerima bayaran) dan akan memastikan perkara ini dilakukan secara terperinci di dalam mesyuarat JPP MyMall akan datang. Perkhidmatan e-dompet MyMall adalah ciri yang diberikan secara percuma oleh syarikat pembekal. Ciri ini tidak pernah dimohon oleh KUSKOP/Syarikat 49572-H dan tidak pernah dibentangkan di peringkat Jawatankuasa Kerja atau Jawatankuasa Pemandu MyMall. KUSKOP telah memohon agar fungsi e-dompet ini dihentikan sementara sehingga KUSKOP mendapat maklumat yang lebih terperinci mengenai tatacara pengurusan e-dompet.

Maklum balas MIDA yang diterima pada 19 April 2024

MIDA menggunakan borang soal selidik untuk memantau prestasi dan aktiviti syarikat. Pemantauan 18 syarikat yang menerima insentif akan dipertingkatkan dua kali setahun. Selain itu, MIDA juga akan turun padang untuk mendapatkan maklum balas secara bersemuka.

Pendapat Audit | **Pengurusan program e-Dagang telah dilaksanakan dengan baik meliputi latihan dan penerimgunaan serta pemberian insentif. Bagaimanapun, penyediaan akses kepada platform e-Dagang kurang memuaskan terutamanya pembangunan platform MyMall KUSKOP yang belum mencapai objektif sepenuhnya dan terdapat kelemahan dalam pengurusan kontrak dan operasi.**

6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan perkara yang sama tidak berulang pada masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan tindakan berikut:

6.1. KUSKOP hendaklah memastikan kontrak perjanjian dimuktamadkan dengan segera;

6.2. KUSKOP hendaklah mengambil tindakan proaktif untuk memastikan pengintegrasian platform MyMall dengan ODELA dapat dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan. Selain itu, KUSKOP juga hendaklah mengenal pasti dua platform lain yang boleh diintegrasikan dengan platform MyMall bagi memastikan API yang tersedia digunakan; dan

6.3. KUSKOP hendaklah menambah baik pengurusan operasi dengan memastikan syarikat yang dilantik sebagai pengendali gerbang pembayar merupakan syarikat yang berlesen dengan BNM dan pengasingan dibuat bagi terimaan dan pembayaran akaun MyMall.

